

# Tinjauan: Rakyat SG jangka inflasi utama naik ke 4.1%

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**  
nfathin@sph.com.sg

JANGKAAN rakyat Singapura terhadap inflasi utama telah meningkat kepada paras tertinggi dalam sembilan tahun, menurut keputusan tinjauan suku tahunan Indeks Jangkaan Inflasi Singapura (SInDEx).

Jangkaan inflasi utama satu tahun lebih awal meningkat kepada 4.1 peratus pada Mac 2022, daripada 3.2 peratus pada Disember 2021.

Jangkaan inflasi kali terakhir direkodkan melebihi 4 peratus pada Disember 2012, menurut laporan *The Business Times*.

Sebagai perbandingan, purata suku pertama ialah 3.3 peratus dari 2012 hingga 2021, manakala data daripada Penguasa Kewangan Singapura (MAS) meramalkan median 2.4 peratus bagi indeks harga pengguna (CPI) inflasi semua barangan pada 2023.

Tinjauan itu, yang diterbitkan bersama oleh DBS dan Universiti Penguasaan Singapura (SMU), diperoleh daripada tinjauan dalam talian terhadap 500 individu yang dipilih secara rambang yang mewakili pelbagai jenis isi rumah Singapura.

Dalam satu kenyataan semalam, DBS dan SMU berkata pelbagai faktor global dan realiti asas yang dihadapi oleh pengguna nampaknya menjadi pemacu utama pembentukan jangkaan tersebut.

Selepas melaraskan potensi kecenderungan tingkah laku, jangkaan inflasi keseluruhan meningkat kepada 5.7 peratus pada Mac 2022 daripada 3.1 peratus pada Disember 2021, yang merupakan nilai tertinggi sejak ramalan itu kali pertama direkodkan pada suku pertama 2019.

Ketua ekonomi dan pengarah urusan Kumpulan Kajian DBS, Encik Taimur Baig, berkata ini sejajar dengan perkembangan global.

"Kenaikan mendadak dalam harga makanan, bahan api dan sewa kini merupakan fenomena global, walaupun kadar kenaikan di Singapura lebih sederhana berbanding dengan apa yang dilihat di Amerika Syarikat dan Eropah," katanya.

Penolong Profesor Kewangan SMU dan penyiasat utama pengasas projek SInDEx, Encik Aurobindo

"Yang baiknya tentang jangkaan inflasi yang lebih tinggi ialah perhatian dunia nampaknya semakin tertumpu pada inflasi dan langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan risiko inflasi."

— **Encik Aurobindo Ghosh, Penolong Profesor Kewangan SMU dan penyiasat utama pengasas projek SInDEx.**

Ghosh, berkata adalah "tidak menghairankan" bagi inflasi utama melonjak melebihi 4 peratus, memandangkan Singapura adalah ekonomi terbuka yang kecil yang terdedah kepada faktor risiko termasuk pembukaan semula yang terganggu daripada pandemik Covid-19, kenaikan harga komoditi dan peningkatan kadar inflasi.

Bagi pertukaran antara mengutamakan pertumbuhan ekonomi berbanding kos kepada kehidupan, atau "perdebatan mata pencarian berbanding kehidupan", nisbahnya ialah 3.3 pada Mac 2022, berbanding 2.6 pada Disember 2021.

Ini bermakna bagi setiap orang yang mengutamakan kehidupan daripada mata pencarian, terdapat lebih daripada tiga orang yang mengutamakan mata pencarian daripada kehidupan.

"Yang baiknya tentang jangkaan inflasi yang lebih tinggi ialah perhatian dunia nampaknya semakin tertumpu pada inflasi dan langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan risiko inflasi," ujar Encik Ghosh, yang mengetuai tinjauan SInDEx itu.

Ini termasuk mengurangkan tekanan ke atas harga minyak, contohnya.

Tinjauan SInDEx itu ditaja bersama Kumpulan Kajian DBS dan Institut bagi Ekonomi Kewangan Sim Kee Boon SMU.